

Headline **Maraton Padang Pasir**
Date **12. Feb 2009**
Media Title **Harian Metro**
Section **Setempat**
Circulation **336603**
Readership **2192000**

Language **MALAY**
Page No **26**
Article Size **325** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **6997.34**



Maraton Padang Pasir

Warga emas bakal berlari 240 kilometer rentas Gurun Sahara selama tujuh hari bermula 29 Mac

>>>Oleh Amir Abd Hamid
amir@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: "Selepas berhenti merokok 20 tahun lalu, berat badan saya meningkat. Disebabkan itu saya mengambil keputusan bergiat dalam sukan ekstrem termasuk maraton sehinggalah sekarang," kata warga emas, Mohamed Adnan Osman, 66.

Dia bakal menyertai maraton di Gurun Sahara Marathon Des Sables (Maraton Padang Pasir) yang berlangsung tujuh hari bermula 29 Mac ini, membatikan jarak larian sejauh 240 kilometer, di Maghribi.

Penyertaan dalam maraton dibuat selepas dia gagal berbasikal secara solo ke Beijing, China, tahun lalu.

Pesara guru yang lebih dikenali cikgu Adnan itu, berkata dia agak kecewa apabila usahanya berbasikal ke Beijing gagal berikutan menga-



SERAH...Wan Mohd Zahid (kiri) menyerahkan tajaan kepada Adnan, semalam.

lami masalah visa di sempadan Vietnam-China.

"Namun, semua itu tidak melemahkan semangat dan tidak mensesiakan latihan lebih lima jam setiap hari

selama ini, Marathon Des Sables adalah saluran terbaik untuk terus memberikan cabaran kepada diri sendiri.

"Penyertaan saya ini untuk mengutip dana yang akan

disumbangkan kepada Yayasan Aids Malaysia," katanya ketika ditemui selepas majlis penyerahan tajaan oleh Sime Darby Bhd RM25,000 bagi menampung keseluruhan

kos penyertaan beliau dalam maraton berkenaan.

Tajaan disampaikan Pengarah Sime Darby Bhd, Tan Sri Datuk Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin.

Seramai 800 peserta berusia antara 18 hingga 78 tahun dijangka menyertai maraton yang menawarkan hadiah wang tunai Euro5,000 (RM23,100) kepada juara pertandingan itu selain trofi, kemeja-T dan sijil penyertaan.

Mohamed Adnan sebelum ini menyertai pertandingan, berkata wang bukan menjadi penyebab utama menyertai pertandingan, sebaliknya ia kepuasan diri sendiri.

"Saya juga seperti peserta lain tidak melakukan semua ini kerana duit tetapi kerana kepuasan diri sendiri yang sukar diperjelaskan dengan kata-kata.

"Maraton satu pertandingan sangat mencabar. Selain kekuatan fizikal, peserta perlu mempunyai semangat

kental, berdisiplin, tidak mudah putus asa dan berkeyakinan tinggi supaya mereka tidak terkeluar daripada pertandingan," katanya.

Maraton berkenaan memerlukan setiap peserta menamatkan larian dalam tempoh masa dan jarak yang ditetapkan bagi setiap hari berlarian dan sekiranya gagal berbuat demikian, mereka disingkirkan.

Menurutnya, dia sudah bersiap sedia menghadapi pertandingan itu dengan mengadakan latihan di pantai ketika cuaca panas untuk membiasakan diri dengan lokasi pertandingan.

"Walaupun situasi Malaysia tidak sama dengan Maghribi, tetapi itulah latihan saya lakukan dan penyertaan kali ini berjayanya," katanya.

Menurutnya, apa yang paling dibimbangkan sepanjang maraton kelak kemungkinan ribut pasir di gurun dikenali paling panas di dunia.